

**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR KPM INDERA MAHKOTA  
SESI 3 2021/2022 PENGAMBILAN NOVEMBER**

**1) Yuran Semester**

Pelajar dikehendaki membayar yuran semester sebanyak **RM90.00** melalui **perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps** dalam tempoh yang akan dimaklumkan kelak. Sila gunakan Nama Pelajar dan No Kad Pengenalan pelajar untuk tujuan tersebut.

**2) Yuran Muafakat**

Semua pelajar **Semester 4 (semua program)** juga perlu membayar Yuran Muafakat sebanyak **RM50.00** ke akaun Muafakat Kolej Profesional MARA Indera Mahkota: CIMB – 8005363314. Sila serahkan resit bayaran tersebut pada hari pendaftaran kelak.

**3) Penginapan di Asrama KPMIM**

Penginapan disediakan kepada semua pelajar (Semester 1 dan ke atas kecuali pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri) pada Sesi 3 2021/2022 Pengambilan November.

**4) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**

- a) Sesi akademik pada Sesi 3 2021/2022 Pengambilan November akan bermula pada **15 November 2021 (Isnin)** seperti dalam Kalendar Akademik di **Lampiran C**.
- b) Pelaksanaan PdP di KPMIM adalah secara hibrid iaitu gabungan bersemuka dan dalam talian (*blended learning*).
- c) Sesi PdP akan berlangsung secara dalam talian sehingga Minggu Kedua Akademik. Sesi PdP bersemuka hanya akan bermula pada Minggu Ketiga Akademik, **29 November 2021 (Isnin)** setelah semua tempoh kuarantin tamat.
- d) Untuk makluman lanjut, sila rujuk Jadual Waktu Kuliah yang akan diedarkan kelak.

**5) Penjagaan Keselamatan dan Kesihatan**

- a) Hanya pelajar KPM yang telah menerima vaksin COVID-19 sekurang-kurangnya 1 dos dibenarkan kembali ke kolej secara berperingkat seperti dinyatakan dalam jadual di **Lampiran A**. Pelajar yang masih belum menerima vaksin, boleh mendapatkan vaksin secara *walk in* di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang terdekat dengan kadar segera.
- b) Hanya pelajar yang telah menerima vaksin, sihat dan tidak bergejala sahaja dibenarkan kembali ke kolej/asrama dengan syarat pelajar dan ahli keluarga yang tinggal serumah tidak dalam tempoh menjalani kuarantin/bukan kontak rapat kes positif COVID-19.
- c) Pelajar perlu mengisi dan mengemukakan Borang Deklarasi Kesihatan yang disediakan seperti di **Lampiran D** sebelum kembali ke kolej/asrama.
- d) Pihak kolej akan menyediakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 untuk tujuan Ujian Kendiri COVID-19 ke atas pelajar semasa hadir lapor diri di asrama/kolej. Oleh itu, pelajar perlu

mengisi dan mengemukakan Borang Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga Pelaksanaan Ujian Saringan Kendiri COVID-19 seperti di **Lampiran E** kepada pihak kolej.

- e) Pelajar juga dibenarkan untuk melaksanakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 sehari sebelum kembali ke asrama/kolej atau melaksanakan ujian calitan di fasiliti kesihatan dan perlu melaporkan keputusan Ujian Kendiri COVID-19 yang dilaksanakan kepada pihak kolej. Pelajar juga digalakkan untuk mengemaskini maklumat keputusan Kit Ujian Kendiri COVID-19 di dalam aplikasi MySejahtera.
- f) Waris yang telah lengkap divaksin dibenarkan menghantar anak/anak jagaan kembali ke asrama/kolej dengan menggunakan surat pengesahan daripada kolej berdasarkan jumlah kapasiti kenderaan.
- g) Ibu bapa/penjaga hanya dibenarkan menurunkan pelajar di kawasan parkir asrama dan tidak dibenarkan untuk memasuki asrama dan kawasan lain di kolej.
- h) Semua pelajar adalah diwajibkan menjalani **7 hari kuarantin** di dalam kawasan kolej. Pelajar boleh membeli makanan/minuman serta barang-barang keperluan di dalam kawasan kolej sahaja.
- i) Aktiviti riadah dan aktiviti sosial tidak dibenarkan sepanjang tempoh kurantin.
- j) Sila patuh kepada arahan kawalan keselamatan pencegahan penularan COVID-19 yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Nasional (MKN), KKM, MARA dan kolej.

**KALENDAR AKADEMIK SESI 3 2021/2022**

**KUMPULAN A**

**KPM AYER MOLEK, KPM BANDAR MELAKA,  
KPM INDERA MAHKOTA, KPM BERANANG,  
KPM SERI ISKANDAR**

<b>SESI AKADEMIK 3 2021/ 2022</b>		
<b>Tarikh</b>	<b>Tempoh (Minggu)</b>	<b>Aktiviti / Program</b>
11 Nov 2021	1 hari	Pendaftaran Pelajar Baharu
12 & 13 Nov 2021	1 hari	Pendaftaran Pelajar Kanan
15 Nov - 26 Dis 2021	6	Kuliah
27 Dis 2021 - 2 Jan 2022	1	Minggu Aktiviti
3 Jan - 12 Feb 2022	6	Kuliah
14 - 27 Feb 2022	2	Ulangkaji / Peperiksaan Akhir
28 Feb - 11 Mac 2022	2	Cuti Semester

**KALENDAR AKADEMIK SESI 3 2021/2022**

**KUMPULAN B**

**KPM BANDAR PENAWAR**

<b>SESI AKADEMIK 3 2021/ 2022</b>		
<b>Tarikh</b>	<b>Tempoh (Minggu)</b>	<b>Aktiviti / Program</b>
11 Nov 2021	1 hari	Pendaftaran Pelajar Baharu
12 & 13 Nov 2021	1 hari	Pendaftaran Pelajar Kanan
14 Nov - 25 Dis 2021	6	Kuliah
26 Dis 2021 - 1 Jan 2022	1	Minggu Aktiviti
2 Jan 2 - 11 Feb 2022	6	Kuliah
13 - 26 Feb 2022	2	Ulangkaji / Peperiksaan Akhir
27 Feb - 10 Mac 2022	2	Cuti Semester



### BORANG DEKLARASI KESIHATAN

Nama Penuh Pelajar:  
KPM:  
No Kad Pengenalan:  
Nama Ibu bapa/Penjaga:  
No Tel Pelajar:

**1. Adakah anda mengalami gejala-gejala berikut:**

Demam (Suhu badan: ..... )	Ya	Tidak
Batuk	Ya	Tidak
Selesema	Ya	Tidak
Sakit Tekak	Ya	Tidak
Sesak Nafas	Ya	Tidak
Sakit Dada	Ya	Tidak
Menggigil	Ya	Tidak
Hilang Deria Rasa	Ya	Tidak
Lain lain: .....		

**2. Adakah anda pernah disahkan positif COVID-19?** Ya Tidak

**3. Adakah anda mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19?** Ya Tidak

**4. Adakah anda mempunyai kontak rapat kepada individu yang sedang menjalani kuarantin di rumah?** Ya Tidak

**5. Adakah anda sedang menjalani Perintah Kawalan Kuarantin di rumah seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia?** Ya Tidak

**6. Adakah anda mempunyai ahli keluarga yang tinggal serumah dengan *Patient Under Investigation (PUI)* atau *Person Under Surveillance (PUS)*?** Ya Tidak

**7. Adakah anda melancong ke kawasan yang berisiko dalam tempoh 14 hari?** Ya Tidak

Jika YA, nyatakan tempat dilawati:  
Tarikh:

**8. Adakah anda pernah menghadiri majlis/perjumpaan yang dikaitkan dengan kes positif COVID-19?** Ya Tidak

Dengan ini saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan:  
Tarikh:

**Nota: Borang ini hendaklah diserahkan kepada pihak kolej semasa hadir lapor diri di kolej/asrama**



---

**BORANG KEBENARAN IBU/BAPA/PENJAGA  
PELAKSANAAN UJIAN SARINGAN KENDIRI COVID-19**

Saya \*ibu/bapa/penjaga kepada \_\_\_\_\_

No Kad Pengenalan \_\_\_\_\_ dari KPM \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ **\*BERSETUJU/TIDAK BERSETUJU**  
untuk membenarkan pihak kolej melaksanakan Ujian Saringan Kendiri COVID-19  
kepada anak/anak jagaan saya berdasarkan keperluan dan ketetapan MARA.

Tandatangan \*Ibu/Bapa/Penjaga:

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Sekiranya tidak bersetuju untuk melaksanakan Ujian Saringan Kendiri COVID-19,  
sila nyatakan sebab:

---

---

---

---

***\*Potong mana-mana yang tidak berkaitan.***